

Penyampai : DATO SERI DR. SITI HASMAH BT HJ MOHD ALI
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN MINI STADIUM BISTARI
Lokasi : AIR KEROH, MELAKA
Tarikh : 03-10-2002

Terlebih dahulu, saya ingin melafazkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana di atas limpah kurniaNya, dapat saya bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan sekalian di majlis yang mulia ini.

2. Tahniah saya ucapkan kepada pihak BISTARI di atas usaha mereka yang bersungguh-sungguh sehingga terbinanya mini stadium yang canggih serta serba lengkap ini. Ini adalah satu usaha terpuji kerana selain dapat dimanfaatkan kegunaannya, mini stadium ini akan menjadi satu lagi aset bernilai bukan sahaja kepada ahli-ahli Kelab BISTARI, malah juga kepada Negeri Melaka amnya sebagai satu lagi mercu tanda Negeri Melaka yang melambangkan kemajuan sukan badminton di negeri ini.

3. Memandangkan sukan merupakan salah satu daripada sembilan `flagship' pelancongan Negeri Melaka, pembinaan mini stadium ini amat bertepatan dengan matlamat Kerajaan Negeri Melaka untuk menambah bilangan pelancong ke Negeri Melaka menerusi kegiatan sukan dan rekreasi sekaligus merealisasikan wawasan Negeri Melaka untuk menjadi negeri maju pada tahun 2010.

4. Saya percaya keseluruhan ahli-ahli BISTARI dan rakan-rakan kelab badminton negeri-negeri lain pasti merasa gembira dan bangga dengan terbinanya mini stadium ini. Saya juga percaya ramai pihak lain juga berkongsi kegembiraan ini kerana seperti yang kita maklumi, sukan badminton telah pun mendapat pengaruh besar di kalangan rakyat negara ini. Ini dapat dilihat melalui penubuhan kelab-kelab professional dan penglibatan individu-individu serta juga remaja-remaja dalam pelbagai kejohanan baik di peringkat sekolah, daerah ataupun negeri dan kebangsaan dalam sukan ini.

5. Dengan terbinanya mini stadium ini, maka diharapkan agar akan terbuka lebih banyak lagi peluang bagi ahli-ahli BISTARI di Melaka ini, untuk meningkatkan lagi prestasi permainan badminton dan juga memberi peluang kepada mereka yang benar-benar berminat dan berbakat dalam sukan ini, untuk mengasah bakat mereka, seterusnya melahirkan pemain profesional, yang mana satu hari nanti akan dapat mengharumkan nama negara. Pembinaan mini stadium ini juga diharapkan dapat memberi peluang kepada ahli-ahli Kelab BISTARI ini, yang terdiri dari isteri-isteri wakil rakyat Negeri Melaka, untuk mendekati diri kepada rakyat melalui penganjuran kejohanan-kejohanan dan pertandingan persahabatan bersama kelab-kelab badminton yang lain. Ini juga akan memberi peluang kepada isteri-isteri wakil rakyat untuk menanamkan pendekatan mesra rakyat bagi membantu pemimpin-pemimpin negeri yang juga mengamalkan pendekatan yang sama.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

6. Seperti yang kita sedia maklum, pencapaian pasukan badminton negara telah diiktiraf dunia sebagai sebuah pasukan yang kuat lagi disegani. Pencapaian sebegini bukanlah dicapai dengan mudah tetapi melibatkan perjalanan yang panjang lagi berliku yang telah diharungi oleh pasukan badminton kita yang bukan sahaja terdiri daripada para pemain tetapi juga pihak pengurusan kontinjen, agensi kerajaan dan swasta dan lain-lain pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Pengalaman mereka dalam usaha untuk mencungkil bakat, mendapatkan pembiayaan, mewujudkan prasarana, melatih serta meletakkan kedudukan skuad badminton negara di mana ia berada sekarang menuntut satu pengorbanan daripada semua pihak yang telah disebutkan tadi.

7. Kejayaan ini juga dapat dikecapi melalui dedikasi dan kerjasama yang tinggi di antara semua pihak yang terlibat. Oleh itu, saya berharap, di samping menyiapkan prasarana seperti kemudahan stadium yang kita lihat pada hari ini, pihak BISTARI juga mungkin boleh mencontohi semangat, dedikasi serta pengalaman dan pengorbanan yang telah ditunjukkan oleh pasukan badminton negara dalam mencapai kejayaan-kejayaan mereka selama ini, sebagai panduan bagi melengkapkan usaha Kelab BISTARI ini untuk memartabatkan sukan badminton Negeri Melaka khususnya, sebagai salah satu matlamat penubuhan mini stadium ini.

Para hadirin sekalian,

8. Seperti yang saya difahamkan, pembinaan mini stadium ini telah melibatkan sokongan dan sumbangan pelbagai pihak termasuk Kerajaan Negeri, Jabatan- jabatan dan agensi-agensi Kerajaan, pihak-pihak swasta yang merupakan penaja utama pembinaan bangunan ini dan juga individu-individu yang terbabit secara terus dalam menjayakan pembinaan ini. Di sini saya mengambil kesempatan mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak penderma dan penyumbang yang telah mewujudkan semangat "Masyarakat Penyayang" dan prihatin di dalam sama-sama membantu untuk menjayakan impian Kelab BISTARI ini.

9. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri di dalam usaha membantu sukan badminton negara khususnya melalui BISTARI dengan memberi bukan sahaja peruntukan kewangan malah telah juga memperuntukkan tapak yang luasnya 4 ekar untuk didirikan mini stadium ini. Saya berharap agar usaha murni ini tidak berakhir di sini sahaja.

10. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak BISTARI Negeri Melaka kerana memberi penghormatan kepada saya untuk merasmikan bangunan mini stadium ini yang juga merupakan mini stadium badminton yang pertama di Melaka.

11. Saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak BISTARI dan pihak-pihak yang terlibat di atas usaha untuk menggalakkan lagi penglibatan masyarakat dalam sukan badminton ini.

Akhir kata, dengan lafaz "bismillahirrahmanirrahim", saya merasmikan mini stadium BISTARI pada hari ini.

Sekian.